

Pandangan Terhadap Isu Semasa Di Kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor

Views on Current Issues In The Area of State Legislative Assembly of Bukit Permai, Kulai, Johor

Miza Farhanah Bilal
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel : 1jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Isu semasa merupakan faktor penting yang perlu dijadikan bahan kempen oleh parti politik untuk mendapat sokongan pengundi dalam sesuatu pilihan raya. Pilihan raya merupakan elemen penting dalam menentukan tahap demokrasi sesebuah negara terutama bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi objektif penulisan artikel ini untuk menganalisis pandangan terhadap isu semasa di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor. Kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah seperti secara primer, sekunder dan penganalisisan data. Bagi kaedah primer, kajian ini akan menggunakan soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup untuk memudahkan proses menganalisis data menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Kajian ini juga akan menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan serta menyokong maklumat tambahan supaya dapat menyokong dapatan kajian. Kajian kepustakaan dan kajian internet digunakan untuk mendapatkan bahan rujukan di perpustakaan dan internet iaitu dari segi maklumat berkaitan dengan tajuk. Hasil kajian mendapati terdapat lima isu yang selalu dibincangkan oleh penduduk setempat di kawasan kajian adalah isu pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup, isu masalah sosial, peluang pekerjaan, pendidikan dan isu pembangunan setempat. Antara perkara yang dimahukan daripada kerajaan di kawasan kajian adalah berkenaan infrastruktur dan kemudahan. Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan moratorium pinjaman bank dapat membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan. Sebagai kesimpulan, kajian ini adalah penting untuk menambah ilmu pengetahuan, menambah data dan sumber rujukan berkaitan kajian politik pilihan raya dan dapat menjadi rujukan untuk parti politik dan kerajaan supaya dapat memimpin negara dengan lebih baik.

Kata kunci: *Isu, pemulihan ekonomi, infrastruktur, kerajaan, kos hidup*

ABSTRACT

Current issues are important factors that need to be used as campaign material by political parties to gain the support of voters in an election. Elections are an important element in determining the level of democracy of a country, especially for countries that practice a democratic system such as Malaysia. Therefore, it is the objective of writing this article to analyze the views on current issues in the Bukit Permai state constituency, Kulai, Johor. This study has used several methods such as primary, secondary and data analysis. For the primary method, this study will use a questionnaire

consisting of closed-ended questions to facilitate the process of analyzing data using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. This study will also use observational methods to obtain and support additional information in order to support the findings of the study. Library research and internet research are used to obtain reference materials in libraries and the internet in terms of information related to the topic. The results of the study found that there are five issues that are often discussed by local residents in the study area are issues of economic recovery/price of goods/inflation/cost of living, issues of social problems, employment opportunities, education and local development issues. Among the things that are wanted from the government in the study area are infrastructure and facilities. Bantuan Prihatin Nasional (BPN) and the moratorium on bank loans can help ease the cost of living burden of low and middle income groups. In conclusion, this study is important to add knowledge, add data and reference sources related to the study of electoral politics and can be a reference for political parties and governments in order to lead the country better.

Keywords: *Issues, economic recovery, infrastructure, government, cost of living*

1. Pengenalan

Isu semasa dapat mempengaruhi pendirian politik pengundi dalam sesuatu keputusan pilihan raya. Pilihan raya merupakan elemen penting dalam menentukan tahap demokrasi sesebuah negara terutama bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia. Rakyat mempunyai hak memilih untuk menentukan pemimpin dan parti yang bakal memimpin negara. Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14 menyaksikan kekalahan terbesar Barisan Nasional (BN) sepanjang sejarah penyertaannya. Bukan itu sahaja, kekalahan BN ini juga terjadi dalam beberapa Pilihan Raya Kecil (PRK) dan telah menimbulkan tanda tanya bahawa adakah BN mampu untuk memenangi semula kerusi pada pilihan raya akan datang. Hal ini kerana, telah timbul beberapa isu yang menunjukkan kelemahan pentadbiran kerajaan BN yang boleh menjatuhkan persepsi rakyat terhadap Barisan Nasional terutama golongan belia.

Di DUN Bukit Permai itu sendiri, Barisan Nasional yang telah memegang kerusi di DUN itu selama beberapa penggal turut dikalahkan oleh Pakatan Harapan (PH) pada PRU ke 14 yang diketuai oleh Tosrin bin Jarvanthi dengan jumlah undian 10,998 dan majoriti 2,531. BN yang diketuai oleh Ali Mazat bin Salleh hanya meraih undi sebanyak 8,467 undian. Perubahan pola pengundian ini terjadi akibat pengaruh isu semasa yang terjadi dan membawa kepada penerimaan pengundi terhadap sesebuah parti politik tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pandangan terhadap isu semasa di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor.

2. Tinjauan Literatur

Kepentingan ulasan literatur dalam sesebuah kajian adalah untuk mengenalpasti dan menghadkan permasalahan kajian. Selain itu, ulasan literatur juga dapat memaklumkan kepada pengkaji tentang kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan dalam bidang yang sedang dikaji. Selain itu, ulasan literatur juga berkepentingan untuk mendapatkan pandangan tentang modifikasi yang boleh dibuat bagi mengelakkan masalah yang tidak dijangkakan (Wiersma, 1991). Fachri (2010) di dalam penulisannya “Tingkah laku mengundi pada pilihan raya Gabenor Sumatera Barat 2005” menyatakan masalah utamanya ialah pola pengundian Pemilihan Gabenor Sumatera Barat 2005 tidak berkait dengan pola pengundian Pemilu Legislatif Sumatera Barat 2004. Tambahan lagi, calon yang disokong oleh parti besar tidak terpilih tetapi calon yang disokong oleh parti kecil telah terpilih dalam pilihan raya. Tingkah laku pengundi adalah mempengaruhi pengundian didalam pilihan raya tersebut dan kualiti calon juga memainkan peranan yang penting. Rizky (2014) dalam kajiannya “Perubahan

Partisipasi Politik di Thailand Pasca Pemilihan Umum 2007” menjelaskan perubahan partisipasi politik Thailand dari konvensional kepada non-konvensional telah menjadi objek pemerhatian ilmuan politik. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebab perubahan partisipasi politik di Thailand pasca Pemilihan Umum 2007 adalah kerana lemahnya konsolidasi demokrasi dan adanya konflik elit yang menggerakkan massa. Selain itu, sikap dan posisi Raja sebagai pemimpin tertinggi yang kebal kritik mengakibatkan kebebasan masyarakat menjadi terbatas.

Berikutnya ialah kajian politik dalam negara iaitu dalam kajian Tengku Amran Shah (1991) yang mengkaji tentang “Tingkah Laku Dan Kepimpinan Politik Tempatan (Kajian Kes Terhadap Ahli Parti UMNO DUN Pulai Chondong Kelantan)”, pengkaji telah membincangkan tentang pandangan responden setempat tentang tokoh politik setempat. Rakyat Kelantan telah memilih Tengku Razaleigh yang mempunyai pengaruh serta inginkan perubahan lalu menjatuhkan Haji Abdullah Mohammed daripada UMNO. Dalam penulisan Mujibu, Zaliha & Badrul (2010) yang mengkaji tentang “Perubahan generasi dan perkembangan demokrasi di Malaysia pasca pilihan raya umum ke- 12”, hasil kajian mendapati sepanjang 52 tahun Malaysia merdeka, pilihan raya umum telah dijalankan secara tetap dan konsisten dalam sistem pemerintahannya namun pada Pilihan Raya Umum 2008 (PRU 2008), BN telah mengalami kekalahan terbesar dalam sejarah penyertaannya dan perkara ini berlanjutan dalam beberapa pilihan raya kecil juga. Penyumbang kepada kekalahan ini telah dikenal pasti daripada perubahan generasi, modenisasi dan kepesatan teknologi. Isunya disini adalah BN gagal untuk mengadaptasi dengan perubahan tersebut dan gagal untuk memikat pengundi muda.

Untuk kajian politik di Johor pula, dalam kajian yang bertajuk “Kajian Sikap Golongan Berpotensi Terhadap Penyertaan Dalam Proses Pilihanraya: Satu Kajian Kes Di Negeri Johor” yang ditulis oleh Durrishah et al. (2004), kajian dilakukan untuk mengkaji sebab golongan berpotensi tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya. Walau bagaimanapun mereka mengetahui tentang tanggungjawab mengundi sebagai warganegara dan mengetahui tentang kelayakan sebagai pengundi dan hak mendaftar. Pengaruh isu semasa sedikit sebanyak mempengaruhi sesetengah pihak untuk mendaftar sebagai pengundi dan mengundi. Mereka akan lebih cenderung kepada untuk tidak mengundi kepada manamana pihak daripada membuat keputusan yang salah. “Pendapat Dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor” oleh Mohd Fuad & Junaidi (2012), menyatakan tentang keperluan yang diinginkan oleh generasi muda seperti lebih banyak peluang pekerjaan dan gaji yang bersesuaian dengan ekonomi semasa. Mereka juga memerlukan pemimpin yang mementingkan rakyat serta mereka juga inginkan suara mereka tentang politik didengari. Generasi muda ini juga menyatakan bahawa BN akan terus menerajui Johor dan Malaysia pada pilihan raya yang seterusnya.

3. Metodologi

3.1 Kaedah Mengumpul Data Lapangan dan Data Berangka (Data Primer)

Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik, temubual, pemerhatian di lapangan dan rujukan data statistik kaum dan *score sheet* keputusan PRU-14.

Kaedah soal selidik digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada responden. Pengkaji telah menggunakan kaedah borang soal selidik bentuk tertutup dan bentuk terbuka dalam kajian ini. Soalan soal selidik bentuk tertutup memfokuskan kepada pilihan jawapan yang berbentuk objektif dan ringkas manakala soalan

soal selidik terbuka bergantung kepada pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh responden. Terdapat 4 bahagian dalam soal selidik ini iaitu bahagian A merupakan demografi responden, bahagian B pula ialah sumber maklumat politik dan isu semasa, bahagian C ialah persepsi responden terhadap isu semasa di kawasan kajian manakala bahagian D pula ialah persepsi responden mengenai pengaruh isu semasa terhadap pilihan parti politik dan senario politik semasa di kawasan kajian. Sebanyak 50 orang responden yang merupakan pengundi daripada pelbagai kaum dan latar belakang yang berdaftar sebagai pemilih di DUN Bukit Permai, Kulai, Johor dipilih untuk menjawab soalan soal selidik yang disediakan. Data Hasil kajian soal selidik ini dianalisis oleh pengkaji bagi mendapatkan keputusan akhir dan kritikal yang akan menjawab objektif kajian.

Kaedah temu bual terhadap informan pula penting bagi memperoleh maklumat lisan tentang kajian secara informal. Temu bual ini melibatkan lima orang individu iaitu terdiri daripada pengundi yang berjawatan dalam parti politik di kawasan kajian.

Kaedah pemerhatian merupakan salah satu teknik penyelidikan yang sering digunakan oleh para pengkaji ketika berada di lapangan. Maka dari itu, pengkaji akan membuat pemerhatian berdasarkan keadaan persekitaran fizikal semula jadi dan buatan manusia, perubahan politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian. Pemerhatian juga dijalankan bagi mengenalpasti tingkah laku pengundi dan budaya politik di kawasan kajian yang mempengaruhi tingkah laku politik responden.

3.2 Kaedah Mengumpul Data Sekunder

Bahan rujukan sekunder digunakan bagi mengukuhkan lagi maklumat untuk menghasilkan sesebuah kajian yang lengkap dan mantap. Dalam kaedah pengumpulan data sekunder tersebut, pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan maklumat dan data. Antaranya adalah kajian kepustakaan dan kajian atas talian atau kajian internet.

Perpustakaan merupakan tempat paling utama untuk memperoleh sesuatu maklumat ataupun data. Ianya terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya buku ilmiah, majalah, jurnal, risalah, akhbar, artikel, kertas seminar dan persidangan serta laporan bulanan dan tahunan kerajaan. Perpustakaan yang sering dilawati oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber maklumat dan data adalah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia kampus Bangi. Akhbar yang menjadi rujukan pula seperti Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harakah, Suara Keadilan dan Suara Amanah.

Dalam kajian ini, pengkaji juga mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara atas talian di internet. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar atas talian, blog, aplikasi Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Youtube dan pelbagai lain. Rujukan secara atas talian ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat berkaitan politik yang diperlukan dalam menyiapkan penyelidikan ini.

3.3 Teknik Menganalisis Data

Dalam proses menganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk menyusun, mengumpul maklumat dan mempersembahkan data secara berangka dan grafik. Ringkasan data akan dipaparkan dalam bentuk jadual dan carta/graf yang sesuai dengan menggunakan perisian SPSS bagi mengambil kira kekerapan dan peratusan kajian. Penggunaan kaedah ini akan memudahkan pengkaji memberi penerangan berdasarkan kajian yang dijalankan agar mudah difahami oleh pembaca. Aplikasi SPSS ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat menganalisis pelbagai jenis data serta dapat

menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat serta menjimatkan masa dalam proses penganalisisan data. Aplikasi ini juga dapat digunakan untuk menganalisis data soal selidik yang disokong dengan maklumat temubual, data statistik serta maklumat sekunder untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya dapat mencapai standard kajian akademik.


3.4 Kawasan Kajian

Pada tahun 1982, Kulai merupakan sebuah hutan liar dan orang terawal yang menero daerah ini merupakan Huang Guo Mao. Guo Mao telah pulang ke China untuk mengambil lebih banyak orang Cina untuk menjalankan kerja penerokaan dan pembinaan. Pada tahun 1902, Pekan Baru Kulai telah diterokai oleh Tan Yoke Fong dari China Selatan. Fu Wen Zhang dari Melaka juga telah melibatkan diri dalam aktiviti penerokaan Pekan Baru Kulai. Seterusnya pada tahun 1937, 10 buah rumah kedai baru dua tingkat sederet dibina oleh Fu Teck Hui dan Fu Teck Nan yang merupakan pecan Kulai sekarang.

Menurut tokoh sejarawan negara, Tuan Hj Dr Shaharom Hussein, perkataan Kulai berasal daripada sebutan “Ku Lai” dalam sebutan Cina yang merujuk kepada “Ku” iaitu Tuanku dan “Lai” iaitu datang. Tuanku yang dimaksudkan ialah Almarhum DYMM Sultan Ibrahim. Tuanku yang diiringi pembantu peribadinya dan beberapa orang askar Timbalan Setia Negeri Johor disambut oleh masyarakat Cina disitu kerana baginda minat memburu binatang buas seperti harimau dan gajah di kawasan hutan Jalan Tebrau dan Jalan Skudai hingga ke Kulai.

Sehingga akhir tahun 1977 kawasan ini ditadbir oleh Pejabat Daerah Johor Bahru dan pada 1978, Kulai menjadi daerah kecil yang ditadbir sendiri oleh Penolong Pegawai Daerah. Kerajaan negeri Johor telah bersetuju untuk membentuk daerah Kulai yang berkuatkuasa pada 21 Februari 2007 dan diwartakan pada 29 Mac 2007. Daerah Kulai merupakan salah satu daerah di negeri Johor yang terbentuk hasil daripada pecahan bahagian utara daerah Johor Bahru yang merangkumi bandar Kulai, Ayer Bemban, Bukit Batu, Kelapa Sawit, Saleng, Sedenak, Seelong, Senai dan Sengkang. Menariknya disini, pada asalnya daerah Kulai merupakan Kulaijaya yang diisytiharkan oleh Sultan Iskandar ibni Sultan Ismail iaitu Sultan Johor pada ketika itu. Namun pada 28 Ogos 2015, Sultan Johor ketika itu Sultan Ibrahim Ismail ibni Sultan Iskandar telah menitahkan kerajaan Johor untuk menukar nama daerah Kulaijaya kepada nama asalnya iaitu Kulai dengan serta- merta.

Kawasan kajian yang dipilih untuk melakukan kajian ini adalah di DUN Bukit Permai, Kulai, Johor. DUN Bukit Permai (N.50) merangkumi kawasan Murni Jaya, Bukit Permai, Inas, Sedenak Utara, Sedenak Selatan, Ladang Fraser, Pekan Sengkang, Felda Taib Andak, Ladang Swee Lam, Ladang Kelan, Bandar Kulai Utara, Kampong Pertanian dan juga Kampong Rahmat. DUN ini mendapat nama daripada salah satu kawasan dibawahnya iaitu Felda Bukit Permai (Lihat Rajah 1).



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor

Sumber: Diadaptasi daripada SPR 2020

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Isu Yang Selalu Dibincangkan Di Kawasan Kajian*

Jadual 1 menunjukkan tentang isu-isu semasa yang selalu dibincangkan di kawasan kajian oleh penduduk setempat semasa mereka bersama-sama ahli keluarga dan rakan-rakan. Terdapat lima isu yang selalu dibincangkan oleh penduduk setempat di kawasan kajian adalah isu pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup, isu masalah sosial, peluang pekerjaan, pendidikan dan isu pembangunan setempat.

JADUAL 1. Isu yang selalu dibincangkan di kawasan kajian (Peratus Ya)

| | | | | | | | | |
|----|---|----|-----|----------------------------------|----|-----|---|----|
| 1. | Pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup | 70 | 8. | Isu perhubungan dan pengangkutan | 30 | 15. | Jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar | 18 |
| 2. | Isu masalah sosial | 40 | 9. | Isu kebersihan | 30 | 16. | Isu petempatan/perumahan | 18 |
| 3. | Peluang pekerjaan | 38 | 10. | Isu janji pilihan raya | 30 | 17. | Isu tanah | 16 |
| 4. | Pendidikan | 34 | 11. | Isu kepimpinan | 28 | 18. | Isu air | 16 |
| 5. | Isu pembangunan setempat | 34 | 12. | Kestabilan dan perpaduan | 22 | 19. | Jurang pendapatan antara kaum | 12 |
| 6. | Kestabilan politik | 32 | 13. | Hak ketuanan Melayu | 22 | 20. | Lain-lain : <u>Covid-19</u> | 4 |
| 7. | Isu alam sekitar | 32 | 14. | Isu kemudahan infrastruktur | 22 | | | |

Sumber: Soal selidik 2020

Pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup adalah perkara utama yang selalu dibincangkan kerana ia merupakan perkara yang utama dan menjadi topik bualan utama dalam kehidupan seharian masyarakat di kawasan ini kerana isu ini mempengaruhi sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat. Hal ini kerana, lebih 50% penduduk di kawasan ini adalah dari kalangan B40, apabila harga barang meningkat maka kos perbelanjaan meningkat dan menjadi satu beban.

Selain itu, isu masalah sosial juga merupakan antara isu yang selalu dibincangkan. Isu sosial yang dimaksudkan adalah seperti isu transgender, isu pergaulan bebas serta lumba motor di kawasan perumahan yang baru dibina. Namun begitu, isu transgender ini antara isu yang cuba ditangani oleh ADUN kawasan Bukit Permai, YB Hj Tosrin Javarthi selaku Exco Hal Ehwal Agama Islam negeri, keputusan beliau untuk melaksanakan penguatkuasaan dan tarbiah adalah bergantung kepada keputusan Majlis Fatwa.

Seterusnya, isu peluang pekerjaan. Sepanjang soal selidik dan temu bual dijalankan, isu peluang pekerjaan merupakan antara isu yang sering diperkatakan oleh pengundi di kawasan ini. Hal ini kerana, walaupun terdapat banyak peluang pekerjaan di kawasan ini, namun peluang tersebut dipenuhi oleh warga asing dan menyebabkan peluang pekerjaan oleh warga tempatan menjadi tipis.

Isu pendidikan juga merupakan antara isu yang selalu dibincangkan di kawasan kajian. Isu ini timbul akibat daripada kekurangan jumlah sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Sekolah menengah yang ada di DUN ini tidak dapat menampung jumlah pelajar yang sepatutnya menyebabkan sebilangan pelajar dari kawasan ini terpaksa pergi ke sekolah di luar kawasan. Selain itu, di kawasan ini juga tidak terdapat institut pengajian awam seperti sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains MARA, politeknik, matrikulasi ataupun universiti.

Isu lain yang sering dibincangkan adalah isu pembangunan setempat. Kawasan DUN Bukit Permai ini merangkumi kawasan bandar dan juga luar bandar namun pembangunan

kawasan ini dilihat agak perlahan berbanding kawasan lain. Terdapat banyak tanah terbiar yang boleh dibangunkan sebagai pusat masyarakat dan pusat yang sepatutnya.

Berdasarkan temu bual bersama informan dan soalan yang telah diajukan iaitu “Apakah isu yang selalu dibincangkan di kawasan anda? Mengapa isu tersebut penting bagi penduduk di kawasan anda?”, berikut merupakan jawapan mereka:

“Isu lain yang selalu dibincangkan adalah peringkat nasional macam PTPTN, tol, 1MDB. Ini jika orang muda lah, jika orang tua, mereka banyak dipengaruhi oleh anak-anak. Kalau dekat Bukit Permai ni, akar umbi dia UMNO dan Barisan Nasional, dua parti ni dah banyak beri sumbangan pembangunan kawasan ini. Dari segi pengangkutan pula, Kulai ni ada masalah dari segi sistem jalanraya.”

(Encik Abd Aziz bin Jaafar, 3 Disember 2020)

“Kalau seluruh Kulai, selalunya masalah trafik lalu lintas. Sebab *you* tengok eh, selalunya bandar ada jalan yang cukup luas, *you* ambil contoh Simpang Renggam, jalan dia luas. Kluang pun jalan besar. JB pun besar. Kenapa Kulai sempit? Sebab *design* dia untuk tahun 60an. Masalah sekarang kat Kulai ni dia tak boleh luaskan jalan tu sebab takde tanah rezab lagi.”

(YB Tee Boon Tsong, 16 Disember 2020)

“...di Bukit Permai ni, isu dia lebih kepada infrastruktur, ada kampung-kampung yang sistem perparitan dia masih belum elok, kemudian ada sistem kebersihan, infrastruktur macam jalan yang tak diselenggara dengan baik dan isu masa zaman saya tu banyak isu sekolah lah macam sekolah agama.”

(Encik Haji Ali Mazat Salleh, 21 Januari 2021)

4.2 Perkara/Jenis Pembangunan Yang Dimahukan Daripada Kerajaan Di Kawasan Kajian

Antara perkara yang dimahukan daripada kerajaan di kawasan kajian adalah berkenaan infrastruktur dan kemudahan di kawasan DUN Bukit Permai. Perkara pertama yang dimahukan ialah jalan raya. Kebanyakan responden meletakkan jalan raya sebagai perkara pertama yang mereka mahukan daripada kerajaan. Jalan raya yang dimaksudkan adalah jalan raya yang cantik, jalan raya yang berturap kemas serta penyelenggaraan jalan raya yang baik. Jalan raya juga termasuk jalan persekutuan iaitu jalan utama yang menghubungkan Pekan Kulai dengan Johor Bahru. Hal ini kerana, berdasarkan soal selidik bersama responden dan kajian di lapangan, penyelidik mendapati jalan raya di kawasan DUN Bukit Permai agak tidak rata dan banyak yang berlubang. Selain membahayakan pengguna jalan raya, jalan yang rosak juga menyebabkan kerosakkan kepada kenderaan yang menggunakan laluan tersebut dengan kerap.

Seterusnya, perkara atau jenis pembangunan yang dimahukan oleh penduduk daripada kerajaan di kawasan ini adalah pengangkutan awam. Pengangkutan awam yang dimaksudkan ialah seperti bas awam. Kajian mendapati bahawa di sekitar kawasan DUN Bukit Permai terutama di Bandar Putra, pengangkutan awam seperti bas telah disediakan oleh Kerajaan Johor iaitu diberi nama Pengangkutan Awam Johor (PAJ). Namun penggunaan PAJ jarang digunakan kerana faktor masa operasinya tidak setara dengan waktu-waktu puncak seperti waktu bekerja serta tidak meliputi semua kawasan di Bandar Putra. Kebanyakan penduduk disini juga tidak mengetahui tentang kewujudan PAJ.

Pembangunan lain yang dimahukan ialah pembinaan perumahan kos rendah yang lebih banyak. Rumah kos rendah yang dimaksudkan ialah rumah mampu milik dengan kos RM80 ribu kebawah supaya lebih ramai penduduk di kawasan ini dapat membeli dan mempunyai rumah sendiri selain daripada menyewa. Rumah-rumah yang dibina oleh pemaju perumahan di DUN ini terutama di Bandar Putra merupakan rumah kos tinggi seperti rumah berkembar dan semi-D dan rumah tersebut dijual dengan harga sekurang-kurangnya RM250 ribu menyebabkan kebanyakan penduduk tidak mampu untuk membeli terutama bagi golongan muda yang ingin menjadikan rumah tersebut sebagai rumah pertama.

Selain itu, pembangunan yang dimahukan ialah lebih banyak hospital besar dan klinik kesihatan dibina di kawasan ini terutama di kawasan kampung. Hospital Kulai dan Klinik Kesihatan Kulai yang ada sekarang berada di kawasan pekan dan dikawasan yang mempunyai darjah ketersampaian yang tinggi namun bagi penduduk di kawasan kampung seperti di FELDA Layang-Layang, mereka terpaksa mengambil masa 40 minit hingga 1 jam untuk sampai. Perkara ini akan merumitkan terutama bagi golongan warga emas yang tiada kenderaan dan hanya bermotor sahaja jika ingin ke hospital atau klinik kesihatan. Selain jarak yang jauh, hospital yang ada sekarang juga tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit yang ramai dalam satu-satu masa serta tidak mempunyai doktor pakar dan terpaksa dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru bagi sesetengah kes.

Pembangunan lain yang dimahukan ialah dari segi kemudahan infrastruktur. Infrastruktur yang dimaksudkan ialah infrastruktur seperti kemudahan rekreasi untuk melakukan aktiviti bersifat kesukanan dan lasak. Berdasarkan soal selidik dan sedikit temubual yang dilakukan bersama dengan responden, mereka mahukan gelanggang futsal dan badminton yang dibuka 24 jam dan boleh digunakan pada setiap masa. Berdasarkan pemerhatian, infrastruktur yang diminta telah disediakan oleh pihak kerajaan tetapi ianya tidak diselenggara dengan baik dan terabai begitu sahaja.

Di samping itu, perkara atau jenis pembangunan yang dimahukan daripada kerajaan ialah rangkaian internet. Rangkaian internet yang dimaksudkan ialah dari segi kelajuan, liputan dan juga capaian sesebuah telko internet dan wifi di kawasan mereka. Capaian internet yang laju dan stabil mampu untuk memudahkan kerja terutama para pelajar yang menghadiri kelas secara atas talian dan mereka yang bekerja dari rumah terutama di musim pandemik Covid-19 ini.

Seterusnya, penduduk di kawasan ini mahukan pembangunan dari segi peluang pekerjaan. Hal ini kerana, mereka merasakan bahawa peluang mereka telah didominasi oleh warga asing seperti warganegara Indonesia dan juga Bangladesh terutama dalam sector peruncitan dan juga perindustrian. Penduduk di kawasan ini terpaksa mencari pekerjaan di luar kawasan dan jauh dari tempat tinggal sehinggakan ada yang merantau hingga ke Singapura untuk bekerja.

Penduduk di kawasan ini juga mahukan pertambahan terhadap jumlah sekolah menengah sedia ada daripada kerajaan. Hal ini kerana, di kawasan Bandar Putra hanya terdapat satu buah sekolah menengah yang didirikan untuk menampung keseluruhan penduduknya. Lebih membimbangkan lagi, sekolah tersebut diumumkan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan dan hanya pelajar yang mempunyai keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang cemerlang sahaja dapat menjadi pelajar di sekolah itu. Bagi mereka yang mempunyai keputusan yang sederhana, mereka terpaksa bersekolah di luar kawasan dan perkara ini membimbangkan dan membebankan ibu bapa terhadap keselamatan dan kos untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Perkara lain yang penduduk di kawasan ini mahukan daripada kerajaan ialah tempat pembuangan sisa pepejal yang lebih teratur. Penduduk di kawasan ini mahukan sisa pepejal

mereka diurus dengan baik oleh kerajaan dan juga syarikat konsesi. Hal ini kerana, jadual pengutipan sampah di setiap taman perumahan adalah masih tidak teratur dan sampah di tong sampah disediakan menjadi penuh sehingga menyebabkan segelintir penduduk di kawasan ini membuang sisa pepejal mereka ditempat yang dilarang dan mengakibatkan kemunculan serangga seperti lalat, tikus dan juga anjing liar. Sampah-sampah juga bertaburan di jalan raya dan mengundang kepada bau busuk.

Akhir sekali, perkara atau jenis pembangunan yang dimahukan daripada kerajaan di kawasan ini ialah perpustakaan. Responden di kawasan ini memberitahu pengkaji bahawa mereka inginkan sebuah perpustakaan awam sebagai salah satu kemudahan di kawasan ini supaya mereka dapat meluangkan masa dan membenarkan anak-anak mereka mengulangkaji pelajaran atau melakukan aktiviti santai disitu. Buat masa ini, sekiranya mereka ingin ke perpustakaan, mereka terpaksa ke perpustakaan awam yang terletak di Jalan Yahya Awal, Johor Bahru. Responden turut menyatakan bahawa mereka juga ingin menyumbang buku-buku yang mereka ada sebagai sokongan untuk kerajaan menubuhkan sebuah perpustakaan di kawasan ini.

Berdasarkan temu bual bersama informan dan soalan yang telah diajukan iaitu “Nyatakan perkara/jenis pembangunan yang anda mahukan daripada kerajaan di kawasan ini. Apa pentingnya pembangunan tersebut kepada penduduk setempat?” berikut merupakan jawapan mereka:

“...pembangunan disini hampir sempurna, tapi kalau kita lihat di Bandar Putra, pembangunan yang diperlukan adalah dari segi jalan raya.”...” bila saya melihat suasana keadaan sekarang, kita memerlukan pembangunan modal insan yang cepat. Maksudnya dari segi pembangunan insan macam keilmuan.”

(Encik Abd Aziz bin Jaafar, 3 Disember 2020)

“...Tapi kalau Kulai, *first* ialah Hospital Kulai. You tau tak hospital tu takde doktor pakar? Apa-apa dia kena refer dekat Hospital JB, katil pun baru ada 60. So dari segi kesihatan dia kena jaga la, penduduk dekat Kulai ni seramai 254,000 orang. Kalau ada apa-apa *emergency*, dia terpaksa tunggu dekat sini dan JB ada katil, baru transit ke JB. Ini pun telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 juga. Klinik kesihatan pun kita kurang kita cuma ada 2 sahaja. Lagi satu ialah balai polis.”

(YB Tee Boon Tsong, 16 Disember 2020)

“...sebab soalan ni dia merujuk kepada pembangunan yang saya inginkan, ada dua. Satu kawasan bandar. Dia ada tiga sebenarnya, *rural area*, *sub-urban* dan *urban area*... Kalau tanya saya apa pembangunan yang saya nakkan, saya nak seimbangkan pembangunan tu.”

(Encik Haji Ali Mazat bin Salleh, 21 Januari 2021)

4.3 Pendapat Umum Mengenai Isu Semasa Nasional Dan Dasar Kerajaan Persekutuan

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 5 kenyataan yang paling dipersetujui tentang pendapat responden mengenai isu semasa di peringkat nasional (Malaysia) dan dasar kerajaan persekutuan. Kenyataan pertama ialah pimpinan politik perlu mengurangkan gelora politik sekarang, sebaliknya bersama-sama menumpukan usaha ke arah menangani penularan wabak pandemik Covid-19. Hal ini kerana, keadaan politik sekarang adalah sangat teruk dan kucar-kacir dan situasi pandemik Covid-19 di negara ini juga semakin hari semakin teruk dan tiada tanda-tanda akan pulih dalam masa terdekat. Responden turut berpendapat bahawa ahli

politik perlu mengurangkan perebutan kuasa dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap isu pandemik ini.

Kenyataan seterusnya ialah Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan moratorium pinjaman bank dapat membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan. 92% responden bersetuju bahawa BPN dan moratorium sangat membantu terutama dalam situasi pandemik Covid-19 ini. Hal ini kerana, ramai telah diberhentikan kerja atau dipotong gaji dan telah menjejaskan pendapatan mereka. Dengan adanya BPN serta moratorium, rakyat dapat menggunakan pendapatan mereka untuk perkara yang lebih penting seperti belanja harian.

Sebanyak 80% responden bersetuju bahawa dinamika dan pergolakan politik di negara ini dapat memberikan kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya keadaan politik yang stabil dan kuasa sesuatu pihak dalam meleraikan sesuatu konflik politik. Sekiranya keadaan politik di negara ini adalah sentiasa stabil dan tiada masalah, maka rakyat tidak akan mengetahui kesan dan akibat daripada politik yang tidak stabil serta tidak pernah akan rasa bersyukur dengan kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan.

Seterusnya, kenyataan Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan kerajaan sekarang memberi banyak manfaat kepada rakyat adalah diantara kenyataan yang dipersetujui oleh kebanyakan responden. Antara bantuan didalam Pakej Rangsangan Ekonomi ialah moratorium bayaran pinjaman kereta dan rumah, moratorium bayaran pinjaman peribadi, pinjaman perniagaan dan pinjaman mikro MARA, TEKUN dan AMANAH IKHTIAR. Responden akui bahawa Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan sangat meringankan beban mereka terutama semasa pandemik ini. Bantuan daripada kerajaan tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan B40, malah turut memberi manfaat kepada golongan M40, T20, barisan hadapan seperti kakitangan kesihatan, tentera, polis, bomba, pemandu teksi dan juga perusahaan kecil dan sederhana.

Yang terakhir ialah keputusan Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-Raja menolak permohonan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perintah darurat wajar dipatuhi semua pihak dan tidak boleh dicabar di mahkamah. Responden bersetuju bahawa permohonan pelaksanaan perintah darurat tersebut adalah tidak patut dan tidak memberi sebarang kesan kepada rakyat dan juga situasi semasa. Darurat hanya perlu dilakukan sekiranya betul-betul tiada jalan penyelesaian dan masalah tidak dapat diselesaikan lagi.

JADUAL 2. Isu semasa nasional dan dasar Kerajaan Persekutuan (Peratus)

| Bil. | Isu semasa nasional dan dasar Kerajaan Persekutuan | Setuju | Tidak setuju | Tidak pasti |
|------|--|--------|--------------|-------------|
| 1. | Pimpinan politik perlu mengurangkan gelora politik sekarang, sebaliknya bersama-sama menumpukan usaha ke arah menangani penularan wabak pandemik Covid-19. | 98 | 2 | 0 |
| 2. | Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan moratorium pinjaman bank dapat membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan. | 92 | 6 | 2 |
| 3. | Dinamika dan pergolakan politik di negara ini dapat memberikan kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya keadaan politik yang stabil dan kuasa sesuatu pihak dalam meleraikan sesuatu konflik politik. | 80 | 2 | 18 |
| 4. | Pakej Rangsangan Ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan sekarang memberi banyak manfaat kepada rakyat. | 72 | 14 | 14 |
| 5. | Keputusan Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-Raja menolak permohonan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perintah darurat wajar dipatuhi semua pihak dan tidak boleh dicabar di mahkamah. | 72 | 10 | 18 |
| 6. | Langkah Kerajaan Persekutuan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB, PKPD dan PKPP adalah berkesan untuk | 70 | 14 | 16 |

| | | | | |
|-----|--|----|----|----|
| | memutuskan rantaian rebakan wabak pandemik Covid-19. | | | |
| 7. | Isu sentimen perkauman dan keagamaan tidak lagi relevan dimainkan dalam politik Malaysia, sebaliknya isu integriti/tatakelola kepimpinan dan isu sosioekonomi rakyat perlu menjadi keutamaan dalam kempen pilihan raya. | 68 | 14 | 18 |
| 8. | Keputusan Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-Raja menolak permohonan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perintah darurat adalah tepat dan rasional. | 66 | 16 | 18 |
| 9. | Pimpinan di negara ini perlu dikuasai majoriti Orang Melayu-Islam agar dapat menstabilkan sosioekonomi dan sosiopolitik di negara ini. | 66 | 16 | 18 |
| 10. | Populariti dan imej positif Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin) dapat memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada rakyat kepada beliau untuk terus memerintah negara ini dengan baik. | 64 | 16 | 20 |
| 11. | Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia perlu membuktikan sokongan ahli Parlimen kepadanya melalui sama ada undi percaya atau tidak percaya kepadanya sebagai bukti legitimasinya yang sah dan kukuh. | 62 | 8 | 30 |
| 12. | SPRM telah menjalankan tugasnya dengan baik. | 52 | 8 | 40 |
| 13. | Kepimpinan Kerajaan Persekutuan dibawah Perikatan Nasional lebih baik dan stabil berbanding pemerintahan PH. | 52 | 14 | 34 |
| 14. | Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali. | 50 | 6 | 42 |
| 15. | Sebagai jalan tengah/penyelesaian kepada kemelut politik di negara ini, Kerajaan Perpaduan perlu ditubuh dan disokong oleh semua ahli Parlimen yang mewakili semua parti politik. | 48 | 22 | 30 |
| 16. | Belanjawan 2021 oleh Kerajaan Persekutuan bermanfaat untuk rakyat dan dapat mengatasi masalah sosioekonomi. | 46 | 16 | 38 |
| 17. | Hubungan antara kaum dan agama semakin baik dibawah pemerintahan Kerajaan Persekutuan sekarang. | 44 | 18 | 33 |
| 18. | Wakil rakyat lompat parti wajar dilabel sebagai pengkhianat kerana tidak menghormati mandat pengundi pada PRU yang lalu yang memilih atas dasar kolektif atau parti politik yang bertanding atas satu isu atau pimpinan. | 42 | 22 | 36 |
| 19. | Kerajaan Pusat prihatin terhadap semua golongan rakyat di negara ini. | 40 | 30 | 30 |
| 20. | Kerajaan Persekutuan berjaya menangani penularan wabak pandemik Covid-19 dengan baik. | 38 | 40 | 22 |
| 21. | Pemimpin atau wakil rakyat yang melompat parti wajar diterima oleh semua pihak atas alasan hak individu untuk berpolitik, keselamatan umat dan negara serta demi kepentingan penerusan pembangunan kawasan setempat agar dapat dibantu pihak berkuasa. | 34 | 32 | 34 |
| 22. | Perlantikan lebih 70 orang sebagai menteri dan timbalan menteri serta hampir semua ahli Parlimen dilantik sebagai Pengerusi GLC dalam Kerajaan PN adalah untuk mengukuhkan sokongan ahli Parlimen dalam Kerajaan semata-mata. | 26 | 16 | 58 |
| 23. | Tindakan Dato' Seri Anwar Ibrahim menyerahkan bukti sokongan ahli Parlimen kepada beliau sebagai Perdana Menteri baharu kepada Yang Dipertuan Agong adalah wajar. | 16 | 42 | 42 |
| 24. | Parti PEJUANG pimpinan Tun Dr. Mahathir akan mendapat sokongan yang menggalakkan daripada rakyat seluruh Malaysia. | 14 | 30 | 56 |

Sumber: Soal selidik 2020

4.4 Pendapat Umum Mengenai Isu Semasa dan Dasar Kerajaan Negeri Johor

Berdasarkan Jadual 3, terdapat 5 kenyataan yang paling dipersetujui tentang pendapat responden mengenai isu semasa dan dasar kerajaan negeri Johor. Kenyataan pertama yang mempunyai peratusan setuju tertinggi sebanyak 80% ialah Institusi Beraja Johor berjaya memastikan suasana politik di negeri ini dalam keadaan stabil dan berdisiplin. Hal ini kerana, rakyat sangat senang dan suka dengan penglibatan Sultan Johor dan Tunku Mahkota Johor (TMJ) dalam pentadbiran negeri. Hal ini kerana, Institusi Beraja Johor mempunyai cara mereka yang tersendiri dalam memastikan kestabilan politik di negeri ini.

Selain itu, kenyataan yang dipersetujui dengan peratusan 78% ialah bantuan terhadap rakyat di negeri ini oleh Kerajaan Negeri dapat membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah. Kerajaan negeri Johor telah menguruskan keadaan dengan sebaiknya dengan menyediakan inisiatif seperti memperkenalkan skim pembiayaan PKS iaitu Johor Niaga-Bank Rakyat SME Loan, melaksanakan Pengecualian Bayaran Lesen Penjaja, Lesen Peniaga PKS, Mikro, Sewa Premis dan Gerai, Sewa Tapak Pasar Malam dan Pasar Pagi selama setahun berkuatkuasa 1 Januari 2021, PBT seluruh Johor menyediakan ruang dan peluang berniaga kepada peniaga kecil dan kerajaan negeri bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk Program Pembiayaan Sahabat Johor untuk memberi pembiayaan mikro kredit kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah (Dewan Negeri Johor 2020). Bantuan-bantuan yang diberikan sedikit sebanyak telah meringan beban segelintir masyarakat yang benar-benar terhimpit pada ketika ini.

JADUAL 3. Dasar Kerajaan Negeri Johor dan isu semasa (Peratus)

| Bil. | Isu semasa dan dasar Kerajaan Negeri Johor | Setuju | Tidak setuju | Tidak pasti |
|------|---|--------|--------------|-------------|
| 1. | Institusi Beraja Johor berjaya memastikan suasana politik di negeri ini dalam keadaan stabil dan berdisiplin. | 80 | 8 | 12 |
| 2. | Bantuan terhadap rakyat di negeri ini oleh Kerajaan Negeri dapat membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah. | 78 | 8 | 14 |
| 3. | Rakyat Johor terus berpegang kepada perlunya keutuhan kuasa politik Melayu-Islam di negeri ini. | 78 | 8 | 14 |
| 4. | Dasar Pembangunan Negeri Johor sekarang bermanfaat untuk semua golongan rakyat di negeri ini. | 68 | 12 | 20 |
| 5. | Institusi Beraja Johor berhak mencampuri urusan politik di negeri ini. | 68 | 12 | 20 |
| 6. | Populariti dan imej Menteri Besar (Dato' Seri Hasni Mohamad) dapat memberikan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada beliau untuk terus memerintah negeri ini dengan baik. | 66 | 2 | 32 |
| 7. | Kerajaan Negeri mengambil berat terhadap semua golongan rakyat di negara ini. | 60 | 12 | 28 |
| 8. | Hubungan antara kaum dan agama semakin baik dibawah pemerintahan Kerajaan Negeri sekarang. | 60 | 6 | 34 |
| 9. | Pimpinan politik daripada semua parti politik (kerajaan negeri dan pembangkang negeri) di negeri ini bersama-sama menumpukan usaha ke arah menangani penularan wabak pandemik Covid-19. | 58 | 8 | 34 |
| 10. | Belanjawan 2021 oleh Kerajaan Johor bermanfaat untuk rakyat dan sesuai dengan sosioekonomi rakyat. | 56 | 18 | 26 |

| | | | | |
|-----|--|----|----|----|
| 11. | Isu pencemaran air dan persekitaran seperti di Sungai Kim-Kim di Johor ditangani dengan baik oleh pihak berkuasa iaitu Kerajaan Johor. | 54 | 8 | 38 |
| 12. | Masalah kesesakan jalan raya akibat pembangunan pesat di Johor sukar diatasi. | 52 | 24 | 24 |
| 13. | Kerajaan Negeri Johor berjaya menangani penularan wabak pandemik Covid-19 di negeri ini dengan baik. | 52 | 30 | 18 |
| 14. | Isu sentimen perkauman dan keagamaan masih relevan dicanangkan dalam politik Johor. | 50 | 12 | 38 |
| 15. | Wakil rakyat lompat parti wajar dilabel sebagai pengkhianat kerana tidak menghormati mandat pengundi pada PRU yang lalu yang memilih atas dasar kolektif atau parti politik yang bertanding atas satu isu atau pimpinan. | 48 | 6 | 46 |
| 16. | Kepimpinan Kerajaan Negeri Johor dibawah Perikatan Nasional lebih baik, stabil dan diyakini. | 48 | 10 | 42 |
| 17. | Rakyat Johor dapat menerima peralihan Kerajaan Negeri Johor daripada PH kepada PN meskipun tidak melalui jalan demokratik/pilihan raya semula. | 46 | 10 | 44 |
| 18. | Jawatankuasa Kampung dan Persatuan Penduduk menjalankan tugas dengan baik. | 44 | 12 | 44 |
| 19. | Pergolakan antara UMNO dan BERSATU Johor boleh menjejaskan keutuhan PN di negeri ini. | 44 | 8 | 48 |
| 20. | Pejabat daerah dan tanah di negeri ini menjalankan perkhidmatan dengan adil dan saksama. | 42 | 18 | 40 |
| 21. | Pencerobohan tanah Kerajaan Negeri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab diambil tindakan tegas oleh pihak berkuasa. | 40 | 14 | 46 |
| 22. | Masalah banjir pendatang asing di negeri di terkawal dan mendapat perhatian pihak berkuasa. | 40 | 22 | 38 |
| 23. | Pemimpin atau wakil rakyat yang melompat parti wajar diterima oleh semua pihak atas alasan hak individu untuk berpolitik dan demi kepentingan penerusan pembangunan kawasan setempat agar dapat dibantu pihak berkuasa. | 28 | 36 | 36 |
| 24. | Isu pembuangan sampah di tapak haram di negeri ini terkawal dan dalam perhatian pihak berkuasa. | 22 | 18 | 60 |
| 25. | Parti PEJUANG pimpinan Tun Dr. Mahathir akan mendapat sokongan yang menggalakkan daripada rakyat Johor. | 12 | 34 | 54 |

Sumber: Soal selidik 2020

Kenyataan seterusnya ialah rakyat Johor terus berpegang kepada perlunya keutuhan kuasa politik Melayu-Islam di negeri ini. Rakyat Johor sentiasa mahukan pemimpin mereka adalah orang Melayu Islam. Responden menganggap bahawa UMNO-PAS perlulah bersatu dan bekerjasama dengan baik di bawah Muafakat Nasional demi keutuhan kuasa politik di negeri ini.

Seterusnya, kenyataan yang turut dipersetujui ramai ialah Dasar Pembangunan Negeri Johor sekarang bermanfaat untuk semua golongan rakyat di negeri ini. 3 dasar utama dalam Rancangan Malaysia ke-12 iaitu pemerikasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial serta amalan tadbir urus yang baik turut digunapakai dan ditekankan dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019. Pelan ini adalah bertemakan “Negeri Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari” (Sahrudin 2019).

Akhir sekali, antara kenyataan yang mendapat peratusan setuju tertinggi ialah Institusi Beraja Johor berhak mencampuri urusan politik di negeri ini. Seperti yang diperkatakan, Institusi Beraja Johor mempunyai cara mereka yang tersendiri dalam memastikan kestabilan

politik di negeri ini. Rakyat Johor tidak mempunyai masalah malahan berbangga dengan undang-undang Tubuh yang menyatakan peranan dan kewujudan Institusi Diraja Johor dengan jelas.

4.5 Pendapat Umum Mengenai Isu Setempat di Kawasan DUN Bukit Permai, Kulai

Berdasarkan Jadual 4, terdapat 5 kenyataan yang paling dipersetujui tentang pendapat umum mengenai isu setempat di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai. Kenyataan pertama yang paling dipersetujui dengan peratusan 90% ialah penduduk setempat di kawasan ini yang berbilang kaum pada masa kini hidup dalam keadaan aman damai. Menurut responden yang disoal selidik dan ditemubual, belum pernah lagi ada kes rusuhan kaum sepanjang 16 tahun menetap di DUN Bukit Permai terutama di Bandar Putra. Penduduk di kawasan ini amat menghormati antara satu sama lain dan bertolak ansur dalam apa jua yang mereka lakukan.

Selain itu, kenyataan yang dipersetujui ramai ialah penduduk setempat di kawasan ini menghormati budaya, adat resam dan hari perayaan kaum/etnik yang lain. Sebagai contoh, semasa perayaan Aidilfitri, kaum Cina dan India turut sama meraikan perayaan tersebut begitu juga sebaliknya. Semasa perayaan Tahun Baru Cina pula, bunyi gong, dram dan mercun yang sangat kuat dihasilkan daripada tarian singa. Namun, penduduk Melayu dan India di kawasan ini tidak mempunyai masalah malah turut sama menyertai perayaan itu kerana itu merupakan budaya dan adat resam kaum Cina dan ianya hanya sekali dalam setahun.

Seterusnya ialah penduduk terutamanya golongan muda di kawasan ini memerlukan pemilikan rumah sendiri yang bersifat mampu milik. Ini merupakan antara isu yang sering disebut-sebut oleh penduduk di kawasan ini kerana kebanyakan perumahan baru di kawasan ini dibina dengan harga yang sangat tinggi dan membebankan golongan muda terutama mereka yang ingin membeli sebagai rumah pertama. Kebanyakan golongan muda tidak mampu untuk memiliki rumah di kawasan ini kerana harga yang sangat tinggi dan tidak sesuai dengan tangga gaji mereka.

Kenyataan dengan peratusan setuju tertinggi yang seterusnya ialah kawasan ini memerlukan sekolah menengah kerana pertambahan pelajar. Situasi kekurangan sekolah menengah di DUN Bukit Permai terutama di kawasan Bandar Putra adalah sangat kritikal. Sekolah menengah yang ada iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra (SMKBP) tidak dapat menampung pelajar sekolah menengah di kawasan itu tambahan pula sekolah itu merupakan sekolah cluster kecemerlangan yang hanya menerima pelajar yang mempunyai keputusan UPSR dan PMR yang cemerlang sebagai pelajarnya. Kesannya, pelajar lain terpaksa ke sekolah menengah diluar kawasan yang agak jauh dari kawasan perumahan mereka.

Akhir sekali ialah tindakan ADUN Bukit Permai (YB Tosrin Javarthi) membuka pejabat bergerak di pasar tani dapat memudahkan penduduk berurusan seperti membuat aduan dan mengambil tandatangan pengesahan sesuatu urusan. Penduduk kawasan ini bersetuju dengan kenyataan ini kerana tindakan YB sangat memudahkan urusan mereka kerana mudah untuk dihubungi dan senang didekati terutamanya bagi mereka yang ingin mendapatkan pengesahan dan tandatangan dengan segera kerana perjumpaan di pejabat bergerak ini tidak memerlukan temujanji.

JADUAL 4. Isu setempat di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai (Peratus)

| Bil. | Isu setempat di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai | Setuju | Tidak setuju | Tidak pasti |
|------|---|--------|--------------|-------------|
| 1. | Penduduk setempat di kawasan ini yang berbilang kaum pada masa kini hidup dalam keadaan aman damai. | 90 | 6 | 4 |
| 2. | Penduduk setempat di kawasan ini menghormati budaya, adat resam, dan hari perayaan kaum/etnik yang lain. | 88 | 8 | 4 |
| 3. | Penduduk terutamanya golongan muda di kawasan ini memerlukan pemilikan rumah sendiri yang bersifat mampu milik. | 86 | 6 | 8 |
| 4. | Kawasan ini memerlukan Sekolah Menengah kerana pertambahan pelajar. | 66 | 12 | 22 |
| 5. | Tindakan ADUN Bukit Permai (YB Tosrin Javarthi) membuka pejabat bergerak di pasar tani dapat memudahkan penduduk berurusan seperti membuat aduan dan mengambil tandatangan pengesahan sesuatu urusan. | 64 | 10 | 26 |
| 6. | Pihak polis menangani jenayah dengan berkesan dan efisien. | 62 | 8 | 30 |
| 7. | Masalah sosial di kawasan anda masih dapat dikawal oleh pihak berkuasa. | 60 | 20 | 20 |
| 8. | Peluang perniagaan terbuka luas di kawasan kajian. | 58 | 14 | 28 |
| 9. | Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (PLBEGJB) mengakibatkan banyak rumah terpaksa dirobuhkan, rumah yang sedia ada retak dan menyebabkan banjir kilat di kawasan Kampung Pertanian dan Kampung Separa. | 52 | 16 | 32 |
| 10. | Kemudahan awam di kawasan ini mencukupi dan diselenggara dengan baik. | 50 | 26 | 24 |
| 11. | Isu transgender di kawasan ini ditangani dengan baik oleh EXCO Hal Ehwal Agama Islam yang juga ADUN (YB Tosrin Javarthi) kawasan ini iaitu Bukit Permai. | 48 | 8 | 44 |
| 12. | Tiada pencemaran alam sekitar di kawasan ini. | 46 | 6 | 48 |
| 13. | Keadaan jalan raya di kawasan ini masih baik. | 42 | 40 | 18 |
| 14. | Aktiviti warga asing di kawasan ini tidak menjejaskan keselamatan penduduk setempat. | 40 | 28 | 32 |
| 15. | Pihak kerajaan dapat membasmi kemiskinan di kawasan anda. | 34 | 14 | 52 |
| 16. | Gejala penagihan dadah di kawasan ini dapat dibendung oleh pihak berkuasa. | 32 | 24 | 44 |
| 17. | Tiada penularan wabak pandemik Covid-19 di kawasan ini. | 30 | 24 | 46 |

Sumber: Soal selidik 2020

5. Rumusan dan Cadangan

Sebagai kesimpulannya, isu semasa boleh mempengaruhi sokongan pengundi terhadap calon atau parti politik dalam sesuatu pilihan raya. Sikap pemimpin juga sangat mempengaruhi pimpinan politiknya dan mempengaruhi pandangan rakyat terhadap parti politik yang dipimpinnnya. Selain itu, berdasarkan soal selidik, dapat dilihat bahawa sesetengah responden masih tidak peka dan tidak mengambil tahu langsung tentang isu semasa terutama isu politik yang berlaku di sekeliling mereka. Berdasarkan soal selidik juga, didapati bahawa isu semasa yang berlaku amat mempengaruhi fikiran seseorang individu untuk mengundi sesebuah parti politik. Dapat disimpulkan juga bahawa isu politik di Malaysia ini masih belum matang dan

masih banyak yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa bermula daripada pemimpin, parti dan tidak terkecuali rakyatnya sekali.

Rujukan

- Abd Aziz bin Jaafar (Yang Dipertua PAS Kawasan Kulai, Ahli Majlis Kulai & Dun Bukit Permai). (2020). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor. Temu bual, 3 Disember.
- Ali Mazat bin Salleh (Bekas ADUN Bukit Permai). (2021). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor. Temu bual, 21 Januari.
- Durrishah Idrus, Hamidah Ab. Rahman, Husain Mahmood, Ishak Mad Shah & Cik Norashikin Mahmud. (2004). Kajian Sikap Golongan Berpotensi Terhadap Penyertaan Dalam Proses Pilihanraya: Satu Kajian Kes Di Negeri Johor. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *E-Bangi: journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 50-63
- Muhammad Fachri Adnan. (2010). Tingkah laku mengundi pada pilihan raya Gabenor Sumatera Barat 2005. Universiti Utara Malaysia.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin & Badrul Azmier Mohamed@Bakar. (2010). Perubahan Generasi Dan Perkembangan Demokrasi Di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-12. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Wiersma, W. (1991). *Research in Education: An Introduction* 5th .Ed. Allyn and Bacon, USA.
- Rizky Dian Erfani. (2014). Perubahan Partisipasi Politik di Thailand Pasca Pemilihan Umum 2007. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Jember.
- Tee Boon Tsong (Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Kawasan Senai). (2020). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Bukit Permai, Kulai, Johor. Temubual, 16 Disember.
- Tengku Amran Shah Engku Johan Iskandar. (1990). *Tingkah Laku dan Kepimpinan Politik Tempatan (Kajian Kes Terhadap Ahli Parti UMNO DUN Pulau Chondong Kelantan)*. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi Univesiti Malaya.